

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN HANNAH YEOW TSEOW SUAN
[SEGAMBUT]**

TARIKH : 15 JULAI 2020 (RABU)

SOALAN

Puan Hannah Yeow Tseow Suan [Segambut] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan butiran berkaitan pertukaran Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Kebajikan Negara dan Pengurus LPPKN termasuk sebab pertukaran, perbandingan proses pelantikan baru ini dengan yang dibuat oleh mantan Menteri, gaji, elauan dan kelayakan mereka yang baru dilantik ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengambil maklum atas keprihatinan YB mengenai perubahan dalam struktur organisasi pentadbiran Yayasan Kebajikan Negara (YKN) dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). Terlebih dahulu, terima kasih diucapkan kepada mantan Ketua Pegawai Eksekutif YKN iaitu YBhg. Datin Paduka Che Asmah binti Ibrahim dan mantan Pengerusi LPPKN iaitu YBhg. Datuk Dr. Narimah Awin atas jasa-jasa dan sumbang bakti yang dicurahkan kepada negara sepanjang tempoh mereka berkhidmat di YKN dan LPPKN.

Kontrak Ketua Pegawai Eksekutif YKN ditamatkan berdasarkan asas menjaga kepentingan baik Kerajaan serta hala tuju pimpinan Kerajaan baharu. Kaedah pelantikan dan penamatan Ketua Pegawai Eksekutif YKN adalah termaktub dalam klausa Surat Ikatan Amanah YKN dan ianya telah dilaksanakan berpandukan terma-terma yang terkandung dalam kontrak perkhidmatan tersebut. Buat masa ini, YKN sedang mengenal pasti calon yang sesuai yang berlatarbelakangkan elemen kebajikan sosial untuk menerajui YKN sebagai Ketua Pegawai Eksekutif YKN supaya agenda YKN bagi membantu usaha kerajaan dalam memajukan kebajikan dan pembangunan rakyat Malaysia khususnya dalam kebajikan kanak-kanak dan keluarga berteraskan modaliti penjanaan modal insan dapat dicapai.

Bagi pelantikan Pengerusi LPPKN yang ke-11, beliau telah dilantik bagi tempoh dua (2) tahun mulai 15 Jun 2020. Pelantikan Pengerusi LPPKN yang terkini adalah berdasarkan keperluan yang mendesak yang perlu dilaksanakan segera mengikut hala tuju Kerajaan baharu. Pelantikan tersebut adalah berdasarkan prosedur operasi standard mengikut Seksyen 4.3 Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 1998. Proses pelantikan, gaji dan elaun adalah sama dengan pelantikan pengerusi LPPKN yang sebelum ini.

Saya percaya sepenuhnya bahawa pengerusi LPPKN baharu yang dilantik mempunyai tahap integriti yang tinggi di samping memahami

SOALAN NO. : 32

peranan Kerajaan dalam pengurusan sosioekonomi yang merangkumi pembangunan sosial dan pembangunan ekonomi. Saya berharap supaya aspirasi LPPKN untuk memacu agenda kependudukan dan kekeluargaan yang inovatif dapat dicapai dengan pelantikan baharu ini.